

PEMBUNUHAN DENGAN HAK:
ANALISIS TERHADAP PENGGUGURAN TERAPEUTIK

IMRAN RAMZI BIN CHE IBRAHIM

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN
UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN FIQH DAN USUL
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003

Perpustakaan Universiti Malaya



A511430918

ABSTRAK

From the Islamic perspective, human life is sacred and murder or any action of destroying the human life is one of the biggest sins in Islam. There are cases of murder that is permissible in Islam. Islam permits one of those cases, known as killing by rights or al-Qatl bi al-Haqq, if it is done under certain circumstances. Those who killed another person by rights are excluded from punishment of killing another person, which is known as *qisās* or *diyat*. Killing by rights is only permitted if it is done under strict conditions and one must take into considerations the objectives of the Lawgiver. Islam had given these rights to certain persons or groups if the action is to fulfill one of The Five Lawgiver's Objectives (*al-Maqāsid al-Syarīah*) which done to preserve life of a person or persons. Abortion is a criminal but therapeutic abortion is permitted in Islam. Therapeutic abortion is an action of aborting the child in a woman's womb to preserve the mother's life. Preserving both lives is important, but preserving the life of the mother is more important than the child's. Islamic jurists view the mother's life should be protected if the existing of her child endangers her. Therefore, Islam views the therapeutic abortion as one of the killing by rights.

إن الشريعة الإسلامية تحترم الحياة الإنسانية وقتل النفس من الكبائر. ولكن هناك نوع من القتل المسمى بالقتل بالحق الذي يحوزه الشارع. وإجازة الشارع لهذا القتل على شروط معينة. والقاتل بالحق لا يقتضي به وليس عليه دية ما دام القتل يجري على تلك الشروط. والقاتل بالحق أن يقتل النفس حسب المقصد من المعايير الشرعية الخمسة وهو حفظ النفس. الإجهاض على عمومه جناءة ولكن الشارع يستثنى الإجهاض لحفظ نفس الأم أو ما يسمى بالإجهاض الصحي. إن حفظ نفس الأم ونفس الولد في بطنها كلاهما على درجة ويحرمة، ولكن حفظ حياة الأم أولى. والفقهاء رأوا أن حياة الأم أولى بالحفظ إن كان الولد في بطنها يضرّها وأن حياتها أولى بالحفظ من حياة الولد. والخلاصة أن الشريعة الإسلامية تعتبر الإجهاض الصحي من أنواع القتل بالحق.

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, segala puji-pujian dirafakkan ke hadrat Allah s.w.t., selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., seluruh ahli keluarga baginda, para sahabat baginda dan umat Islam seluruhnya.

Penghargaan ini ditujukan istimewa untuk isteriku, Aida Farihan di atas segala dorongan dan teguran-teguran positif yang membawa kepada terhasilnya hasil kajian yang sebegini rupa, yang membolehkan kajian ini disiapkan jua akhirnya setelah menempuh segala cabaran dan dugaan yang mendatang. Jutaan terima kasih ditujukan khas untuk Prof. Madya Datin Dr. Paizah binti Hj Ismail selaku penyelia disertasi ini. Penghargaan khas juga wajar diberikan kepada kakitangan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Cawangan Nilam Puri, khasnya keapda En. Ab. Jalil dan En. Saifuddin yang banyak membantu dalam usaha melengkapkan bahan-bahan penyelidikan dan tulisan yang berkaitan dengan kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada seluruh kakitangan Perpustakaan APIUM di Nilam Puri, warga kerja Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim khasnya Auntie Na (emak saudara), En. Mohamad bin Mat Ail (Ketua Penolong Pengarah – Rekod Perubatan) dan Puan Zaini di Unit Rekod Perubatan yang sudi meluangkan masa dan penglibatan yang begitu berharga dalam usaha menyiapkan kajian ini. Selain itu, doa dari Abah dan Ummi yang semestinya menjadi peneguh keyakinan untuk terus memajukan usaha dalam mempersiapkan kajian ini sehingga ke akhirnya. Namun sebenarnya di sana masih ramai individu yang banyak memberikan pertolongan dan dorongan sama ada secara langsung atau tidak yang turut sama menyumbang dalam usaha memperlengkapkan kajian ini.

BAB 2
**HUKUM PENGGUGURAN DARI PERSPEKTIF
PERUNDANGAN ISLAM**

2.1 Pendahuluan	ms. 54
2.2 Hukum Pengguguran Selepas Ditiupkan Roh	ms. 59
2.3 Hukum Penngguguran Sebelum Ditiupkan Roh	ms. 65
2.3.1 Pendapat Fuqaha Mazhab Hanafi	
2.3.2 Pendapat Fuqaha Mazhab Maliki	
2.3.3 Pendapat Fuqaha Mazhab Syafi'i	
2.3.4 Pendapat Fuqaha Mazhab Hanbali	
2.3.5 Pendapat Fuqaha Mazhab Zahiri	
2.4 Hukum Menggugurkan Kandungan Melihat Kepada Teori Usia Roh Ditiupkan Ke Dalam Janin	ms. 81
2.5 Kesimpulan	ms. 97
Nota Hujung	ms. 99

BAB 3
**PENGGUGURAN TERAPEUTIK: PROSEDUR DAN
PELAKSANAANNYA DARI PERSPEKTIF PERUBATAN**

3.1 Pendahuluan	ms. 102
3.2 Konsep Pengguguran Terapeutik	ms. 103
3.3 Alternatif Kepada Pengguguran Terapeutik	ms. 115
3.4 Pengguguran: Komplikasi Fizikal dan Psikologikal	ms. 117
3.5 Komplikasi-komplikasi Daripada Pengguguran Scara Pembedahan dan Kimia	ms. 123
2.5.1 Komplikasi Fizikal Yang Dikaitkan Dengan Pengguguran Melalui Kaedah Pembedahan	
2.5.2 Komplikasi Fizikal Yang Dikaitkan Dengan Pengguguran Melalui Kaedah Kimia	
3.6 Pelbagai Persoalan Berkaitan Janin	ms. 130
3.7 Kehamilan Berisiko Tinggi VS. Pengguguran Terapeutik	ms. 133
3.8 Kesimpulan	ms. 135

ISI KANDUNGAN

Halaman Judul	ms. I
Abstrak	ms. II
Penghargaan	ms. III
Isi Kandungan	ms. IV
Pendahuluan	ms. IX
Panduan Transliterasi	ms. XIV
Senarai Kependekan	ms. XV
Senarai Gambar	ms. XVI
Senarai Jadual	ms. XVII
Senarai Rajah	ms. XVIII

BAB 1

KONSEP PEMBUNUHAN DENGAN HAK: TUMPUAN KEPADA HAK MENGGUGURKAN KANDUNGAN DALAM ISLAM

1.1 Konsep Pembunuhan Dengan Hak Menurut Hukum Jenayah Islam	ms. 1
1.1.1 Terminologi Hak	
1.1.2 Hak Menurut Perspektif al-Quran dan al-Sunnah	
1.1.3 Hak Dari Aspek Istilah	
1.1.4 Pembahagian Hak Dalam Perundangan Islam	
1.1.5 Hak Dalam Konteks Jenayah Membunuh	
1.2 Tanggungjawab Jenayah dan Hak Untuk Membunuh	ms. 12
1.2.1 Pendahuluan	
1.2.2 Asas Pengharaman dan Pengharusan Dalam Perundangan Islam	
1.3 Haram dan Harus: Konsep dan Kaedah-kaedah Prinsip Am dan Moral	ms. 15
1.4 Prinsip Kemudahan dan Keringanan Dalam Perundangan Islam	ms. 16
1.5 Pengecualian Dari Tanggungjawab Jenayah	ms. 18

1.5.1	Sebab Dalam Pengharusan Perbuatan-perbuatan Yang Diharamkan	
1.5.2	Melakukan Perkara Yang Diharamkan Kerana Terpaksa Di Dalam Islam	
1.5.2.1	Ciri-ciri Keterpaksaan atau <i>al-Darūrah</i> Dalam Mengharuskan Sesuatu Yang Diharamkan Dalam Islam	
1.5.2.2	Perbezaan Di Antara Keterpaksaan dan Kehendak Dalam Mengharuskan Sesuatu Yang Diharamkan Dalam Islam	
1.5.2.3	Kapasiti Keterpaksaan Dalam Mengharuskan Sesuatu Yang Diharamkan Atau Meninggalkan Sesuatu Yang Wajib	
1.5.3	Kesan Keterpaksaan Dalam Hukum Syarak	
1.5.4	Kesan Kesulitan Dalam Meringankan Hukum	
1.6	Pertentangan Di Antara Keburukan dan Di Antara Kebaikan Dengan Keburukan Di Dalam Mengharuskan Sesuatu Yang Diharamkan	ms. 30
1.7	Menunaikan Hak dan Menjalankan Kewajipan Sebagai Suatu Kekecualian Dalam Mengharuskan Sesuatu Tindakan Yang Diharamkan	ms. 31
1.8	Klasifikasi Perbuatan Yang Diharuskan Membunuh	ms. 34
1.8.1	Mempertahankan Diri	
1.8.1.1	Klasifikasi Tindakan Mempertahankan Diri Dalam Islam	
1.8.2	Tujuan Perubatan	
1.8.3	Hilang Jaminan Undang-undang	
1.8.3.1	Sebab-sebab Hilangnya Jaminan Undang-undang	
1.8.4	Golongan Yang Dihalalkan Darah Mereka	
1.8.5	Menjalankan Tugas Sebagai Pemerintah	
1.9	Kesimpulan	ms. 47
	Nota Hujung	ms. 49

Jadual 1	ms. 136
Nota Hujung	ms. 139
BAB 4	
ANALISIS TERHADAP PENGGUGURAN TERAPEUTIK BERDASARKAN HUKUM PENGGUGURAN KANDUNGAN DALAM ISLAM	
4.1 Pendahuluan	ms. 145
4.2 Pendapat Para Fuqaha VS. Pengguguran Terapeutik	ms. 145
4.3 Kesimpulan	ms. 153
Nota Hujung	ms. 157
BAB 5	
RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1 Pendahuluan	ms. 158
5.2 Keharusan Pengguguran Berdasarkan Konsep Maṣlahah	ms. 159
5.3 Justifikasi Terhadap Hukum Pengguguran	ms. 161
5.4 Cadangan	ms. 170
Nota Hujung	ms. 174
BIBLIOGRAFI	ms. 176
Lampiran 1 Kecacatan Masa Lahir	ms. 185
Lampiran 2 Kehamilan Berisiko Tinggi	ms. 192
Lampiran 3 Komplikasi Daripada Pengguguran	ms. 195
Lampiran 4 Penyakit <i>Hodgkin (Hodgkin's Disease)</i> Semasa Kehamilan	ms. 197

Lampiran 5 Kategori-kategori Pengguguran	ms. 198
Lampiran 6 Maklumat-maklumat Berkaitan Pertumbuhan Janin Dari Perspektif Kajian Sains Janin (<i>Embryology</i>)	ms. 201
Lampiran 7 PGD (<i>Pre Implantation Genetic Diagnosis</i>) Sebagai Kaedah Rawatan Untuk Mencegah Penyakit Bawaan Genetik	ms. 206
Lampiran 8 Faktor-faktor Persekutaran dan Ketidaknormalan Janin	ms. 208
Lampiran 9 Bulan Pertama Dalam Pertumbuhan Embrio dan Gambar-gambar Janin Di Dalam Kandungan	ms. 213

PENDAHULUAN

Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk melihat secara umumnya aspek-aspek yang terkandung dalam pembunuhan dengan hak. Konsep-konsep dan asas-asas yang menyebabkan sesuatu tindakan membunuh harus dikemukakan dalam perbincangan ini untuk dijadikan sebagai dasar dalam masalah pengguguran terapeutik.

Umumnya, Islam mengklasifikasikan pengguguran sebagai suatu yang diharamkan. Bagaimanapun, setelah meneliti kepada pelbagai pendapat yang dikemukakan oleh para fuqaha yang bersandarkan kepada nas-nas syarak, maka dapat dirumuskan terdapat kekecualian dalam masalah pengguguran yang dilakukan atas alasan perubatan yang secara mudahnya disebut sebagai pengguguran terapeutik iaitu penamatan sesuatu kehamilan sebelum janin dapat hidup yang dalam istilah perubatannya dikenali sebagai *fetal viability* untuk memelihara kesihatan ibu.

Dalam pengertiannya yang lebih luas, pengguguran terapeutik dilakukan untuk sama ada: (a) menyelamatkan nyawa ibu; (b) memelihara kesihatan ibu; (c) menamatkan sesuatu kehamilan yang akan menyebabkan bayi dilahirkan dengan kecacatan yang tidak dapat meneruskan kehidupan atau dikaitkan dengan tahap kematian yang signifikan; (d) menamatkan sesuatu kehamilan yang tidak dapat hidup (*nonviable pregnancy*); atau (e) memilih untuk mengurangkan kehamilan kembar (*multifetal pregnancy*).

Latar Belakang Kajian

Pembunuhan dengan hak adalah salah satu bentuk pembunuhan yang diharuskan dalam Islam. Pengguguran kandungan yang dilakukan oleh manusia pula mempunyai implikasi yang pelbagai ditinjau dari justifikasi yang telah dikemukakan oleh para fuqaha. Melihat kepada senario pengguguran terapeutik yang dijalankan oleh para doktor dalam era globalisasi sekarang ini, permasalahan ini sewajarnya ditangani oleh para fuqaha dengan berhati-hati berdasarkan kaedah, doktrin dan maxim fiqh (*al-qawā'id al-fiqhiyyah*) yang telah diterima pakai. Justifikasi yang dibuat berdasarkan kaedah, doktrin dan maxim yang telah digunakan oleh para fuqaha ini penting kerana masalah pengguguran terapeutik adalah suatu perkara yang agak baru kepada fiqh kontemporari. Sehubungan itu, justifikasi pengguguran kandungan yang telah diletakkan oleh para fuqaha klasik boleh dijadikan panduan dalam menetapkan hukum pengguguran terapeutik yang dilakukan terhadap janin.

Kepentingan Kajian

Perbahasan berkenaan pengguguran terapeutik adalah sesuatu yang baru di Malaysia. Dari tinjauan literatur yang dilakukan, data berkaitan pengguguran terapeutik tidak kedapatan langsung. Ini mungkin disebabkan oleh kefahaman masyarakat Islam di Malaysia bahawa tindakan menggugurkan kandungan adalah terletak di bawah kategori pembunuhan yang diharamkan oleh Islam tanpa

melihat secara terperinci dalam segenap aspek khasnya dari aspek objektif tindakan pengguguran tersebut.

Bagaimanapun, tinjauan literatur dalam masalah ini dilihat begitu ketara sekali dijalankan oleh negara-negara barat. Bahkan telah diwujudkan suatu akta bagi mengharuskan tindakan menggugurkan kandungan melalui kaedah terapeutik ini. Bagaimanapun, kajian ini tidak bermaksud untuk melihat pengguguran terapeutik yang telah dijalankan di negara-negara tersebut kerana ia boleh dibincang dalam forum atau perbincangan yang berada dalam disiplin ilmu yang lain.

Sehubungan itu, kajian ini dilakukan bagi melihat aspek pengguguran terapeutik yang ditinjau dari pengklasifikasianya dalam pembunuhan dengan hak. Adakah Islam turut mengklasifikasikan pengguguran terapeutik sebagai salah satu dari bentuk pembunuhan dengan hak atau sebaliknya dapat dilihat dari perbincangan yang dikemukakan dalam kajian ini selanjutnya. Selain itu, kajian ini turut melihat pengguguran terapeutik yang ditinjau dari perspektif perubatan kerana terapeutik itu sendiri merujuk kepada tindakan menggugurkan kandungan berdasarkan perspektif perubatan.

Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada manusia dan menolak kemudaratannya dari mereka. Sekiranya beginilah rupa bentuk Islam yang dibawa oleh junjungan besar kita, maka dari perspektif hukum jenayah Islam sendiripun pasti mempunyai beberapa aspek yang berbentuk kelonggaran, kemudahan dan menolak kemudaratannya sebagaimana yang dinyatakan di atas. Untuk melihat sama ada pengguguran terapeutik boleh diklasifikasikan sebagai pembunuhan dengan hak, justifikasi yang dilakukan hendaklah merujuk kepada nas-nas yang diperakui oleh Usul al-Fiqh itu sendiri, khasnya al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. selain turut merujuk kepada doktrin, kaedah fiqh dan kaedah-kaedah yang turut diterimakan oleh beberapa ulama fiqh itu sendiri.

Skop Kajian

Kajian ini membincangkan aspek pengguguran terapeutik sama ada ia boleh diklasifikasikan sebagai suatu bentuk pembunuhan dengan hak atau sebaliknya. Pembunuhan dengan hak adalah pembunuhan yang mengecualikan pelakunya dari dikenakan hukuman jenayah membunuh seperti *qisāṣ* dan *diyat*. Selain itu, ia juga bermaksud bahawa tindakan membunuh adalah dengan suci hati dan tidak mempunyai unsur-unsur niat jahat padanya. Hal ini dapat dilihat dengan lebih terperinci dalam kajian ini selanjutnya.

Klasifikasi pembunuhan dengan hak dimuatkan bagi menjelaskan secara dasar kajian yang akan dijalankan. Selain itu, hukum pengguguran kandungan yang telah dikemukakan oleh para fuqaha juga dimasukkan bagi melihat penetapan hukum yang telah mereka letakkan bagi pengguguran kandungan. Pengguguran menggunakan kaedah kontemporari turut dimuatkan sebagai usaha untuk memperjelas dan memantapkan lagi kajian terhadap pengguguran terapeutik ini. Ini kerana kaedah yang digunakan bagi menjalankan pengguguran terapeutik tidak jauh bezanya dengan kaedah pengguguran yang dijalankan

terhadap janin yang sudah mati. Cuma ada beberapa kaedah yang digunakan yang berbeza yang hanya dilakukan kepada janin yang masih hidup.

Objektif Kajian

Bagi menentukan dapatan atau hasil kajian, objektif-objektif berikut telah digunakan bagi memudahkan usaha memperolehi data-data dari sumber-sumber yang pelbagai:

- (a) Mengenalpasti bentuk-bentuk pembunuhan yang diklasifikasikan sebagai pembunuhan dengan hak dalam Islam;
- (b) Mendapatkan gambaran tentang apakah yang dimaksudkan dengan pembunuhan dengan hak yang terdapat dalam Islam;
- (c) Meninjau pandangan, teori dan hujah yang telah dikemukakan oleh para fuqaha dalam aspek harus atau tidaknya tindakan menggugurkan kandungan yang dilakukan dalam pelbagai peringkat usia janin;
- (d) Membuat justifikasi terhadap pengguguran terapeutik dari pandangan, teori dan hujah yang telah dikemukakan oleh para fuqha klasik maupun kontemporari dalam ruang lingkup hukum jenayah Islam;
- (e) Menilai pandangan-pandangan yang ada dalam Islam seperti maxim fiqh, teori *al-Darūrah* dan doktrin *maṣlahah* bagi menjelaskan permasalahan yang ada dalam pengguguran terapeutik ini; dan
- (f) Membuat analisa dan rumusan kepada keseluruhan hasil kajian yang telah dijalankan.

Ulasan Penulisan

Bagi mendapatkan gambaran tentang tajuk ini, beberapa tinjauan literatur telah dilakukan. Tinjauan yang dilakukan tertumpu kepada penulisan terkini berkaitan tajuk. Tinjauan lebih kepada melihat artikel-artikel yang dimuatkan dalam laman-laman web di bawah tajuk pengguguran, pengguguran kandungan, pengguguran terapeutik, pembunuhan rahmat, pembunuhan dengan hak, jenayah membunuh dan sebagainya. Ia juga turut merujuk penulisan para fuqaha kontemporari yang berkaitan dengan persoalan kajian khasnya tulisan Dr. Muhammad Na'im Yasin, Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayliy, Dr. Muhammad 'Aliy al-Bār selain turut merujuk kepada keputusan yang dikeluarkan oleh *Al-Majma'* *al-Fiqh al-Islāmiy* yang berpusat di Jeddah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pelbagai metodologi bagi menyempurnakan kajian. Metod-metod yang terlibat dilihat dari aspek metodologi dalam mengumpulkan data dan metodologi untuk menganalisa data yang telah dikumpul bagi disempurnakan sebagai suatu hasil kajian.

(a) Metodologi Pengumpulan Data

Kajian ini adalah berbentuk kajian perpustakaan disebabkan ketiadaan data yang berkaitan dengan pengguguran terapeutik di negara kita. Berhubung metodologi pengumpulan data di atas, fakta-fakta dan data yang mempunyai perkaitan dan relevensi dengan persoalan kajian dikumpul untuk dianalisa. Al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. adalah dokumen yang paling utama yang diberikan perhatian sepanjang proses mengumpulkan data pada peringkat awal dan sepanjang penulisan kajian ini.

Penulisan-penulisan oleh para fuqaha dalam pelbagai bidang khasnya yang berkaitan dengan hukum jenayah Islam turut diambil kira untuk dibuat penelitian terhadapnya. Antaranya ialah pendapat yang diutarakan oleh ahli tafsir dan para fuqaha dalam pelbagai mazhab fiqh Islam. Selain itu, laman-laman web tertentu turut dilawati untuk melihat persoalan kajian ini dengan lebih mendalam dengan mengambil kira persoalan yang mungkin menjadi suatu permasalahan yang bersifat kontemporari.

(b) Metod Analisis Data dan Fakta

Setelah semua data dan fakta yang berkaitan dikumpul, ia dianalisis untuk memastikan bahawa ia memang mempunyai kaitan dan perhubungan dengan persoalan kajian yang dijalankan. Sehubungan itu, bagi memenuhi perkara ini maka metod-metod di bawah telah digunakan:

Metod Induktif

Metod induktif ini mengumpulkan bukti-bukti yang mempunyai perkaitan dengan persoalan kajian, bermula dari data yang bersifat khusus sehingga kepada data yang bersifat umum. Ia kemudiannya dikaji dan dibuat analisa bagi menentukan bahawa data dan fakta yang terkumpul menepati objektif kajian yang telah ditetapkan. Selain itu, ia juga menyingsirkan apa jua data dan fakta yang tidak berkaitan dengan persoalan kajian.

Metod Komparatif

Metod ini digunakan bagi dijadikan panduan bagi membuat rumusan kepada data dan fakta-fakta yang terkumpul. Ini penting bagi memberikan yang tepat dalam menganalisis data dan fakta yang kelihatan sama. Ia juga digunakan untuk memastikan hanya data dan fakta yang paling tepat di antara fakta-fakta tersebut dimasukkan ke dalam kajian ini.

Lokasi Kajian

Kajian banyak merujuk kepada data yang terdapat di Perpustakaan Dar Nur Zahra, Jalan Telipot, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim. Buku-buku fiqh kontemporari dan yang berkaitan dengan pengguguran terapeutik yang mudah diperolehi di sini. Selain itu, rujukan tentang pengguguran kandungan yang diutarakan oleh para fuqaha klasik pula didapati dari Perpustakaan Al-Malik

Faisal, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kampus Nilam Puri, Kelantan. Selain itu, Perpustakaan Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan yang mempunyai pelbagai koleksi rujukan berkaitan dengan pengguguran kandungan dan pengguguran terapeutik turut dipilih sebagai lokasi menjalankan kajian.

Masalah Kajian

Masalah kajian lebih tertumpu kepada persoalan untuk menghuraikan pengguguran terapeutik secara jelas. Ini adalah bagi menjadikan ia sebagai salah satu bentuk pembunuhan yang diharuskan oleh Syarak. Sama ada ia diharuskan atau sebaliknya banyak bergantung kepada penghuraian punca pengguguran terapeutik ini dijalankan. Selain itu, pengguguran terapeutik juga perlu dilihat tentang hubung kaitnya dengan bentuk pembunuhan lain. Ini kerana, pengguguran terapeutik adalah suatu bentuk tindakan menamatkan nyawa janin yang berada pada peringkat awal kehamilan yang dianggap oleh sesetengah fuqaha sebagai sebahagian manusia dan bukan sebahagian manusia. Kenapa pengguguran terapeutik dianggap sebagai salah satu bentuk pembunuhan dengan hak akan dapat dijelaskan apabila objektif pengguguran ini dilakukan dapat dihuraikan dengan jelas dengan melihat kepada konsep pengguguran terapeutik ini sendiri.

PANDUAN TRANSLITERASI

Huruf-huruf Konsonan:

RUMI	ARAB	RUMI	ARAB	RUMI	ARAB
-	ا	z	ز	q	ق
b	ب	s	س	k	ك
t	ت	sy	ش	l	ل
th	ث	š	ص	m	م
j	ج	d	ض	n	ن
h	ح	ѓ	ط	h	ه
kh	خ	ڙ	ڦ	w	و
d	د	'	ع	y	ي
dh	ڌ	gh	ڻ	'	ء
r	ر	f	ڻ	h / t	ڌ

Huruf-huruf Vokal:

PENDEK	PANJANG	DIFTONG
_= a	_= ă	_= ay
_= i	_= ī	_= aw
_= u	_= ū	

SENARAI KEPENDEKAN

‘Alayh al-Salām	:	a.s.
Doktor	:	Dr.
Hijrah	:	H
<i>Ibidiem</i> (Pada Tempat Yang Sama)	:	<i>Ibid.</i>
Jilid	:	Jld.
Juzuk	:	J
Karram Allāh Wajhah	:	k.w.
Muka Surat	:	ms.
<i>Opera Citato</i> (Dalam Karya Yang Dirujuk)	:	<i>Op. Cit.</i>
Profesor	:	Prof.
Rađiya Allāh ‘Anh / ‘Anhā / ‘Anhum	:	r.a.
Şallā Allāh ‘Alayh Wa Sallam	:	s.a.w.
Subhānahū Wa Ta’ālā	:	s.w.t.
Tanpa Tarikh	:	tt.

SENARAI GAMBAR

Gambar 1: Gambar janin yang berusia antara 26 – 27 hari	ms 107
Gambar 2: embrio yang berusia antara 6 hingga 7 hari	ms 214
Gambar 3: embrio yang berusia antara 12 hingga 13 hari	ms 215
Gambar 4: embrio yang berusia antara 14 hingga 15 hari	ms 215
Gambar 5: embrio yang berusia antara 18 hingga 19 hari	ms 216
Gambar 6: embrio yang berusia antara 21 hingga 22 hari	ms 216
Gambar 7: embrio yang berusia antara 26 hingga 27 hari	ms 217
Gambar 8: janin yang berusia 10 minggu	ms 217
Gambar 9: janin yang berusia 12 minggu	ms 218
Gambar 10: janin yang berusia 16 minggu	ms 218
Gambar 11: janin yang berusia antara 26 hingga 28 minggu	ms 219
Gambar 12: janin yang berusia antara 30 hingga 32 minggu	ms 219
Gambar 13: embrio yang berusia 3 minggu setengah	ms 220
Gambar 14: embrio yang berusia 7 minggu setengah	ms 220
Gambar 15: embrio yang berusia 8 minggu setengah	ms 221

SENARAI JADUAL

Jadual 1 : Faktor Risiko Yang Dihadapi Oleh Perempuan Hamil	ms 137
Jadual 2 : Penyakit Warisan Genetik dari Human Genome Project	ms 207
Jadual 3 (a): Klasifikasi Kecacatan Masa Lahir ms 212	
Jadual 3 (b): Faktor-Faktor Penyebab Utama Kecacatan	ms 212

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Konsep Pembiakan Dan Pertumbuhan Keracunan (Toxicity) Dan Kecacatan Janin	ms 210
Rajah 2 : Perkembangan Anggota Janin Manusia	ms 211